2.1. Terma dan Syarat ini hendaklah mengawal penggunaan Tag RFID TNG oleh Anda sahaja.

2.2. Perkhidmatan adalah diberikan atas dasar “seperti adanya” (“*as is*”) dan “seperti tersedia” (“*as available*”) dan penggunaan Perkhidmatan RFID adalah atas risiko Anda sendiri. TNGSB menafikan dengan khususnya semua waranti jenis apa pun, termasuk tetapi tidak terhad kepada ketersediaan, ketercapaian dan penggunaan Perkhidmatan RFID tanpa gangguan.

2.3. TNGSB mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya, dari semasa ke semasa, untuk meminda Terma dan Syarat ini atau mana-mana bahagian daripadanya.

2.4. TNGSB akan memberi Anda notis mengenai pindaan Terma dan Syarat ini, yang akan diterbitkan pada Laman Web TNGSB dan/atau dalam surat khabar harian kebangsaan dan/atau melalui apa-apa cara elektronik, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa pindaan Terma dan Syarat tersebut.

2.5. Penggunaan Perkhidmatan RFID secara berterusan oleh Anda selepas tarikh kuat kuasa pindaan Terma dan Syarat itu hendaklah merupakan penerimaan tanpa syarat bagi pindaan tersebut oleh Anda. Jika Anda tidak menerima pindaan tersebut, Anda berhak menamatkan penggunaan Perkhidmatan RFID oleh Anda. TNGSB tidak akan bertanggungjawab kepada Anda terhadap sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos dengan apa jua cara sekalipun akibat daripadanya.

3. KEHENDAK PENDAFTARAN

3.1. Bagi tujuan pendaftaran Tag RFID TNG Anda, Anda dikehendaki supaya mematuhi kehendak berikut:-

a) memberikan dokumen pengenalan (Kad Pengenalan Pendaftaran Negara / lesen memandu / pasport);
b) suatu alamat e-mel yang sah dan nombor telefon yang sah;
c) sebuah Kenderaan Kelas 1 yang didaftarkan secara sah dengan, dan mematuhi kehendak pengawalseliaan, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia; dan
d) suatu akaun kaedah pembayaran yang didaftarkan dengan Akaun e-Dompet Touch ‘n Go.

4. CAJ TAG RFID TNG

4.1. Anda boleh membeli Tag RFID TNG Anda dengan membayar caj seperti yang diterbitkan pada Laman Web TNGSB dan/atau pada mana-mana saluran komunikasi rasmi TNGSB yang lain seperti berikut:

a) Pusat Pemasangan Kami seperti yang disenaraikan pada pautan https://rfid.touchngo.com.my/fitment-centres;
b) Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda;

c) Portal RFID TNG pada pautan https://rfid.touchngo.com.my/buy-rfid-tag; atau
d) Rakan Peruncit Kami seperti yang disenaraikan pada pautan https://rfid.touchngo.com.my/buy-rfid-tag.

4.2. Kami boleh mengubah caj bagi Tag RFID TNG dari semasa ke semasa dan caj yang dikemaskinikan akan boleh didapati pada Laman Web TNGSB dan/atau pada mana-mana saluran komunikasi rasmi TNGSB yang lain.

5. PENDAFTARAN, PEMASANGAN & PENGAKTIFAN

5.1. PEMBELIAN DI PUSAT PEMASANGAN

a) Anda boleh membeli Tag RFID TNG Anda, mendapatkan pemasangan dan pendaftarannya di mana-mana Pusat Pemasangan Kami melalui kunjungan ke mana-mana Pusat Pemasangan.

b) Anda mesti memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan semasa proses pendaftaran adalah lengkap, kemas kini dan tepat. Jika maklumat itu tidak kemas kini, tidak lengkap dan/atau tidak tepat, Kami mempunyai hak untuk tidak mengaktifkan Tag RFID TNG Anda. Selepas Anda telah membuat bayaran untuk Tag RFID TNG melalui e-Dompet Touch ‘n Go atau mana-mana kaedah pembayaran lain, seperti yang disediakan dari semasa ke semasa, suatu Tag RFID TNG akan dikeluarkan kepada Anda dan ejen di Pusat Pemasangan akan memasangnya pada Kenderaan Kelas 1 berdaftar Anda.

c) Tag RFID TNG dibenarkan untuk dipasang pada lampu depan atau cermin depan yang tidak bersalut dan tidak disaput sahaja. Anda mesti memberitahu ejen Kami di Pusat Pemasangan sekiranya lampu depan atau cermin depan Kenderaan Kelas 1 Anda diwarnai atau disaluti dengan saput. Ejen Kami di Pusat Pemasangan akan menjalankan pemasangan Tag RFID TNG pada Kenderaan Kelas 1 berdaftar Anda di tempat tentuan seperti yang ditetapkan oleh ejen Kami dan resit hanya akan dikeluarkan atas permintaan.

d) Selepas dipasang dan dengan syarat bahawa Anda memberikan maklumat yang lengkap, kemas kini dan tepat, Tag RFID TNG Anda akan diaktifkan dalam tempoh 24 jam, dan Kami akan memberitahu Anda melalui Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda untuk mengesahkan pengaktifan itu.

e) Apa-apa pembatalan pembelian Tag RFID TNG Anda di mana-mana Pusat Pemasangan Kami hendaklah dibuat sebelum pemasangan Tag RFID TNG itu. Kami akan membayar balik amaun yang dibayar untuk Tag RFID TNG itu ke Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda dan/atau apa-apa kaedah pembayaran lain yang telah Anda gunakan semasa pembelian Tag RFID TNG Anda. Jika pembatalan dibuat selepas Tag RFID TNG telah dipasang pada Kenderaan Kelas 1 berdaftar Anda, tiada bayaran balik akan dibuat.

5.2. PEMBELIAN MELALUI E-DOMPET TOUCH ‘N GO

a) Anda boleh membeli Tag RFID TNG melalui Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda selepas pendaftaran. Bagi pembelian melalui Akaun e-Dompet, Anda akan perlu menjalankan Pemasangan Kendiri dan pengaktifan kendiri bagi Tag RFID TNG Anda mengikut Fasal 5.5 Terma dan Syarat ini. Pembelian Tag RFID TNG tersebut adalah tertakluk pada terma dan syarat jualan yang boleh didapati dalam e-Dompet Touch ‘n Go oleh TNG Digital.

5.3. PEMBELIAN MELALUI PORTAL RFID TNG

a) **Pemesanan dan Pembayaran**

i) Anda boleh membeli Tag RFID TNG Anda melalui Portal RFID TNG dengan mewujudkan Akaun Portal RFID TNG Anda pada pautan https://rfid.touchngo.com.my/register dan mengikut proses membeli-belah dalam talian.

ii) Bayaran bagi Tag RFID TNG yang dipesan melalui Portal RFID TNG boleh dibuat menerusi kad kredit atau debit yang sah (Visa / Mastercard) atau mana-mana kaedah pembayaran lain yang boleh diterima dari semasa ke semasa.

iii) Pembayaran dengan kad kredit atau debit akan tertakluk pada pemeriksaan pengesahsahihan dan kebenaran oleh pengeluar kad. Jika pembayaran tidak dapat diproses, pesanan Anda akan ditolak dan Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa ketiadaan penghantaran Tag RFID TNG.

iv) Apabila Anda membuat sesuatu pesanan, Anda perlu memastikan bahawa semua butiran yang Anda masukkan adalah lengkap, kemas kini dan tepat. Sila ambil maklum bahawa tiada perubahan dan tiada pembatalan boleh dibuat selepas Anda telah membuat bayaran untuk pesanan Anda.

v) Suatu pengesahan pesanan akan dihantar kepada alamat e-mel Anda sebagai perakuan. Pesanan Anda hanya akan dianggap sebagai diterima oleh Kami selepas penghantaran.

vi) Jika timbulnya apa-apa hal keadaan luar biasa yang dalamnya Kami fikir bahawa Kami perlu membatalkan dan/atau menggantung pesanan Anda, Kami mempunyai hak untuk berbuat demikian pada bila-bila masa, mengikut budi bicara Kami dan tanpa menanggung apa jua liabiliti sekalipun terhadap Kami. Jika Kami membatalkan pesanan Anda yang baginya Anda telah membuat bayaran, amaun bayaran akan dibayar balik dalam bentuk asal pembayaran.

b) **Pengiriman dan Penghantaran**

i) Kami akan menghantar Tag RFID TNG yang Anda pesan, ke alamat penghantaran seperti yang telah Anda tetapkan, dalam tempoh tujuh (7) hari kerja dari tarikh pembayaran. Kami tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan semasa penghantaran yang diakibatkan oleh butiran tidak tepat atau tidak lengkap yang telah Anda berikan.

ii) Apabila Tag RFID TNG disampaikan, Anda mungkin dikehendaki supaya menandatangani penerimaan pesanan. Jika pembungkusan Tag RFID TNG yang disampaikan kepada Anda rosak dengan ketara, Anda tidak sepatutnya menerima penghantaran itu dengan mencatat ulasan pada borang penerimaan sebagai “Rosak”. Kami akan kemudiannya menghantar kepada Anda suatu Tag RFID TNG yang baharu sebagai ganti.

iii) Anda akan perlu menjalankan Pemasangan Kendiri dan pengaktifan kendiri bagi Tag RFID TNG Anda mengikut Fasal 5.5 Terma dan Syarat ini.

c) **Penggantian Tag RFID TNG**

iv) Selepas menyerahkan permintaan untuk penggantian mengikut Fasal 7.4, kami akan menghantar gantian Tag RFID TNG ke alamat penghantaran yang telah Anda tetapkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permintaan.

v) Selepas penghantaran Tag RFID TNG, Anda mungkin dikehendaki untuk menandatangani penerimaan pesanan. Jika bungkusan Tag RFID TNG yang dihantar kepada Anda rosak dengan ketara, Anda tidak Anda tidak sepatutnya menerima penghantaran itu dengan mencatat ulasan pada borang penerimaan sebagai “Rosak”. Kami akan kemudiannya menghantar kepada Anda suatu Tag RFID TNG yang baharu sebagai ganti.

vi) Anda akan perlu menjalankan Pemasangan Kendiri dan pengaktifan kendiri bagi Tag RFID TNG Anda mengikut Fasal 5.5 Terma dan Syarat ini

d) **Dasar Pemulangan dan Pertukaran**

i) Tiada pemulangan / pertukaran bagi sebarang Tag RFID TNG yang dibeli melalui Portal RFID TNG selepas Anda telah menerima penghantaran pesanan Anda.

e) **Force Majeure**

i) Kami tidak bertanggungjawab terhadap ketaklaksanaan, gangguan atau kelewatan dalam penghantaran pesanan Tag RFID TNG Anda yang diakibatkan oleh, sepenuhnya atau sebahagiannya, secara langsung atau tidak langsung, sesuatu kejadian atau kegagalan di luar kawalan munasabah Kami.

5.4. **PEMBELIAN DARIPADA RAKAN PERUNCIT**

a) Jika Anda ingin membeli Tag RFID TNG Anda dengan mana-mana Rakan Peruncit yang Kami benarkan, Anda akan perlu menjalankan Pemasangan Kendiri dan pengaktifan kendiri untuk Tag RFID TNG Anda mengikut fasal 5.5, dan Anda dikehendaki supaya melakukan pendaftaran dalam talian pada saluran berikut:

i) Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda; atau
ii) Portal RFID TNG pada pautan https://rfid.touchngo.com.my/register.

b) Apa-apa penghantaran, pembatalan dan/atau pembayaran balik bagi pembelian Tag RFID TNG Anda dengan mana-mana Rakan Peruncit yang Kami benarkan, adalah tertakluk pada dasar dan/atau terma dan syarat yang dikenakan oleh Rakan Peruncit yang berkenaan, berhubung dengan penjualan produk dan/atau perkhidmatan yang berkaitan. Jika terma dan syarat sedemikian tidak wujud, maka Terma dan Syarat ini hendaklah terpakai.

5.5. **PEMASANGAN KENDIRI DAN PENGAKTIFAN KENDIRI**

a) Jika Anda telah membeli Tag RFID TNG Anda melalui e-Dompet Touch ‘n Go, Portal RFID TNG dan/atau di mana-mana Rakan Peruncit Kami, Anda dikehendaki supaya menjalankan Pemasangan Kendiri dan pengaktifan kendiri bagi Tag RFID TNG Anda betul-betul mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh TNGSB dari semasa ke semasa.

b) Anda boleh merujuk kepada Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda, Portal RFID TNG dan/atau mana-mana saluran komunikasi rasmi lain untuk melihat garis panduan dan proses langkah demi langkah bagi Pemasangan Kendiri dan pengaktifan kendiri Tag RFID TNG Anda.

c) Tag RFID TNG Anda hanya boleh dipasang pada lampu depan atau bahagian luar cermin depan yang tidak bersalut dan tidak disaput pada Kenderaan Kelas 1 berdaftar Anda, yang butirannya telah Anda berikan semasa proses pendaftaran dalam Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda dan/atau Portal RFID TNG.

d) Anda mesti memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan semasa proses pendaftaran adalah lengkap, kemas kini dan tepat. Jika maklumat itu tidak lengkap dan/atau tidak tepat, Kami mempunyai hak untuk tidak mengaktifkan Tag RFID TNG Anda.

e) Selepas Anda telah melaksanakan Pemasangan Kendiri dan pengaktifan kendiri bagi Tag RFID TNG Anda, dan dengan syarat bahawa Anda memberikan maklumat yang lengkap dan tepat semasa proses pendaftaran, Tag RFID TNG Anda akan diaktifkan dalam tempoh 24 jam, dan Anda boleh memeriksa status pengaktifan Tag RFID TNG Anda dalam Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda dan/atau Portal RFID TNG.

f) Jika Anda menghadapi apa-apa kesulitan semasa atau selepas menjalankan Pemasangan Kendiri dan pengaktifan kendiri Tag RFID TNG Anda, Anda boleh mengunjungi mana-mana

Pusat Pemasangan seperti yang disenaraikan pada pautan https://rfid.touchngo.com.my/fitment-centres untuk melaksanakan suatu ujian pengesanan untuk Tag RFID TNG Anda, tanpa sebarang kos dan perbelanjaan yang dikenakan terhadap Anda. Jika Tag RFID TNG Anda gagal dalam ujian pengesanan itu, Anda berhak mendapat ganti, tertakluk kepada Fasal 7.4 dan 7.5 Terma dan Syarat ini.

6. TAG RFID TNG – KAEDAH PEMBAYARAN

6.1. Kami hanya menyediakan Perkhidmatan RFID untuk Anda selepas Tag RFID TNG Anda dikaitkan dengan Akaun e-Dompet Touch 'n Go, kad kredit dan/atau kad debit Anda melalui Portal RFID TNG dan/atau mana-mana kaedah pembayaran lain seperti yang tersedia dari semasa ke semasa sebagai kaedah pembayaran Anda bagi penggunaan Tag RFID TNG. Had Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda hendaklah, pada setiap masa, tertakluk pada Terma dan Syarat e-Dompet Touch 'n Go.

6.2. Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda, kad debit Anda dan/atau mana-mana kaedah pembayaran lain, seperti yang tersedia dari semasa ke semasa, mestilah sentiasa mengandungi baki yang mencukupi untuk caj yang akan dipotong apabila menggunakan Tag RFID TNG bagi Perkhidmatan RFID.

6.3. Sekiranya kaedah pembayaran Anda mempunyai baki yang tidak mencukupi, Kami boleh menolak penggunaan Tag RFID TNG Anda. Penggunaan mana-mana kaedah pembayaran tersedia lain yang telah Anda pilih hendaklah sentiasa tertakluk pada Terma dan Syarat kaedah pembayaran yang berkaitan, yang hendaklah Anda patuhi dengan sepenuhnya.

7. PENGGUNAAN TAG RFID TNG

7.1. Tag RFID TNG Anda hanya boleh digunakan di semua Pemberi Perkhidmatan yang boleh menggunakan RFID selepas Tag itu telah dipasang pada Kenderaan Kelas 1 berdaftar Anda dan diaktifkan dengan betul.

7.2. Tag RFID TNG tidak boleh dipindah milik dan mesti ditamatkan jika Anda menjual Kenderaan Kelas 1 Anda yang telah digunakan untuk mendaftar bagi Tag RFID TNG.

7.3. Anda dinasihati supaya menggunakan Tag RFID TNG mengikut garis panduan dan dasar yang Kami keluarkan dari semasa ke semasa, dan memastikan bahawa Anda tidak mengeluarkan, memindahkan, merosakkan, memanipulasikan, mengubah suai atau mengusik Tag RFID TNG Anda.

7.4. Jika Anda selalunya menghadapi isu dengan Tag RFID TNG Anda apabila digunakan di kebanyakan Pemberi Perkhidmatan yang boleh menggunakan RFID, Anda boleh mendapatkan penggantian Tag RFID TNG pada saluran berikut:

a) dengan mengunjungi mana-mana Pusat Pemasangan seperti yang disenaraikan pada pautan https://rfid.touchngo.com.my/fitment-centres, atau;
b) bagi Tag RFID TNG yang dibeli melalui mana-mana saluran lain yang baginya Anda telah melakukan pendaftaran kendiri, Pemasangan Kendiri;
c) bagi pengaktifan kendiri melalui Portal RFID TNG– Anda boleh menyerahkan permintaan Anda untuk penggantian dalam Akaun Portal RFID TNG Anda; dan
d) bagi pengaktifan kendiri melalui Akaun e-Dompet Touch 'n Go - Anda boleh menyerahkan permintaan Anda untuk penggantian melalui e-mel kepada careline@touchngo.com.my.

7.5. Bagi setiap pembelian Tag RFID TNG, Anda berhak mendapat penggantian percuma sekali untuk setiap Kenderaan Kelas 1 berdaftar. Apa-apa penggantian Tag RFID TNG Anda selepas itu akan dikenakan bayaran pada caj yang terpakai seperti yang diterbitkan pada Laman Web TNGSB dan/atau pada mana-mana saluran komunikasi rasmi TNGSB yang lain.

7.6. Apabila sesuatu Tag RFID TNG digunakan di tempat masuk untuk mengakses Perkhidmatan RFID bagi tol jalan, Tag RFID TNG yang sama mesti digunakan di tempat keluar. Tanpa

menjejaskan hak-hak TNGSB dalam Fasal 9.2 di bawah, jika kad TNGSB digunakan di tempat keluar, Pemberi Perkhidmatan mempunyai hak untuk mengenakan caj tambahan ke atas kad TNGSB itu.

7.7. Bagi sebarang kesilapan atau percanggahan dalam Transaksi RFID TNG Anda, Anda boleh mengemukakan tuntutan Anda kepada Kami melalui Portal RFID TNG atau mana-mana saluran komunikasi rasmi Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh transaksi itu. Jika Anda gagal berbuat demikian, Anda hendaklah disifatkan sebagai telah menerima kesilapan atau percanggahan tersebut dalam Transaksi RFID TNG Anda.

7.8. Sebarang pembayaran balik yang timbul daripada kesilapan atau percanggahan Transaksi RFID TNG akan diproses selepas Kami menerima maklumat lengkap daripada Anda, tolak apa-apa caj, jika berkenaan.

7.9. Apa-apa pembayaran balik yang perlu dibayar kepada Anda akan dikreditkan melalui kaedah pembayaran sama yang telah Anda gunakan, dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas permintaan pembayaran balik yang telah Anda buat.

7.10. **Pembayaran Balik untuk Transaksi yang Dikenakan Caj Berlebihan (Lebuh Raya PLUS sahaja)**

a) Bayaran balik untuk transaksi yang dikenakan caj berlebihan yang berlaku di lebuh raya yang dikendalikan oleh PLUS Expressways Berhad (**"PLUS**"), tertakluk pada penentusahan oleh PLUS, hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh transaksi.

b) Anda boleh merujuk kepada Terma-terma Penggunaan PLUS pada laman web PLUS: (https://www.plus.com.my/index.php?option=com_content&view=article&layout=edit&id=952&Itemid=417&lang=en) dan Anda juga boleh melihat senarai lebuh raya kendalian PLUS pada laman web PLUS: (https://www.plus.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=4&Itemid=122&lang=en).

8. TAG RFID TNG BAGI PERKHIDMATAN PENGISIAN MINYAK

8.1. Penggunaan Tag RFID TNG Anda untuk Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID sebagai kaedah pembayaran hanya boleh dilakukan di Pemberi Perkhidmatan petrol penyertaan yang boleh menggunakan RFID, dan selepas Anda telah berjaya mengaktifkan Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID dalam Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda dengan mengikut semua proses yang dikehendaki dalamnya.

8.2. Anda boleh mengaktifkan Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID dalam Akaun e-Dompet Anda untuk lebih daripada satu (1) Tag RFID TNG. Jika Anda mempunyai lebih daripada satu (1) Tag RFID TNG yang dikaitkan dengan Akaun e-Dompet Anda, Anda akan perlu mengaktifkan Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID untuk Tag RFID TNG tersebut bagi membolehkan fungsi sedemikian untuk kenderaan tentuan Anda pada masa penggunaan.

8.3. Kami boleh, dari semasa ke semasa, mengikut budi bicara Kami semata-mata atau seperti yang dianggap perlu, meminta Anda supaya memilih dan/atau mengemaskinikan had pembayaran lalai pilihan Anda bagi transaksi Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID Anda dalam Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda. Had pembayaran ini akan menjadi amaun lalai yang dipotong daripada Akaun e-Dompet Touch 'n Go Anda apabila Anda menggunakan Tag RFID TNG Anda sebagai kaedah pembayaran untuk setiap transaksi Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID yang Anda laksanakan.

8.4. Sekiranya amaun sebenar transaksi Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID yang Anda laksanakan adalah kurang daripada amaun pembayaran lalai pilihan Anda, pembayaran balik amaun bayaran lebihan akan dikreditkan pada hari yang sama atau sehingga maksimum dua (2) hari perniagaan dari tarikh transaksi Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID tertentu itu.

8.5. Anda mungkin diminta supaya memberikan nombor keahlian Anda untuk program kesetiaan tertentu semasa menggunakan Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID. Anda boleh

memasukkan nombor kad program kesetiaan Anda jika Anda ingin melakukannya, dengan syarat bahawa Kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang obligasi antara Anda dengan pengeluar program kesetiaan itu. Anda dengan ini bersetuju bahawa TNG boleh berkongsi nombor kad program kesetiaan Anda dengan rakan dan anggota gabungan Kami semata-matanya bagi maksud penebusan mata kerana menggunakan Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID.

8.6. Anda bertanggungjawab untuk memeriksa sejarah transaksi Anda dengan tetap. Salinan cetak resit bagi transaksi pengisian minyak berkenaan dengan Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID mungkin tidak tersedia pada masa pembelian di setiap tempat perkhidmatan. Anda hendaklah bertanggungjawab untuk memeriksa transaksi Pengisian Minyak RFID Anda dengan tetap melalui sejarah transaksi Anda bagi memastikan bahawa bayaran minyak Anda adalah betul.

8.7. Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID hanya boleh digunakan untuk membeli minyak di stesen minyak terpilih yang boleh menggunakan RFID dengan pembaca RFID, dan tertakluk pada waktu operasi stesen minyak yang berkaitan.

8.8. Penyahaktifan Perkhidmatan Pengisian Minyak RFID boleh dibuat dalam Akaun e-Dompet Anda bagi setiap Tag RFID TNG berkenaan yang diaktifkan, untuk melumpuhkan fungsi daripada kenderaan tentuan Anda.

9. PENAMATAN

9.1. Anda boleh, pada bila-bila masa, membuat permintaan untuk menamatkan Tag RFID TNG Anda dan menghentikan penggunaan Tag RFID TNG Anda, kepada TNGSB dengan menyerahkan permintaan Anda melalui Portal RFID TNG atau melalui e-Dompet Touch ‘n Go menerusi Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda yang dikaitkan dengan Tag RFID TNG Anda.

9.2. Walau apa pun perkara di atas, Kami mempunyai hak untuk menggantung dan/atau menamatkan penggunaan Tag RFID TNG Anda dan Perkhidmatan RFID sekiranya kejadian berikut berlaku:

a) Anda mengeluarkan, memindahkan, merosakkan, memanipulasikan, mengubah suai atau mengusik Tag RFID TNG Anda;
b) Anda memungkiri mana-mana Terma dan Syarat ini atau apa-apa pindaan kemudiannya atau mana-mana dasar dan garis panduan lain yang dikeluarkan oleh TNGSB berkenaan dengan Tag RFID TNG dan Perkhidmatan RFID; termasuk tetapi tidak terhad kepada garis panduan bagi Pemasangan Kendiri Tag RFID TNG Anda;
c) Transaksi RFID TNG yang Anda buat telah ditolak kerana baki yang tidak mencukupi atau kegagalan untuk memproses kaedah pembayaran yang dikaitkan dengan Tag RFID TNG Anda;
d) seseorang mendakwa bahawa apa-apa Data Peribadi yang Anda berikan telah melanggar hak orang lain;
e) terdapat penipuan atau luar aturan yang disyaki berkenaan dengan Tag RFID TNG Anda, penggunaan Perkhidmatan RFID oleh Anda dan/atau kaedah pembayaran yang dikaitkan dengan Tag RFID TNG Anda; atau
f) diminta oleh mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang atau agensi kerajaan yang lain.

9.3. Di samping perkara di atas, Kami mempunyai hak untuk memotong sebarang amaun yang perlu Anda bayar (termasuk amaun transaksi penuh dan semua kos dan perbelanjaan berkaitan yang ditanggung) daripada Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda dan/atau mana-mana kaedah pembayaran lain yang Anda benarkan untuk penggunaan Tag RFID TNG, jika sebarang transaksi tipuan, luar aturan atau penggunaan Tag RFID TNG dan/atau Transaksi RFID TNG tanpa kebenaran dilaporkan atau dikesan daripada penggunaan Tag RFID TNG Anda. Jika Akaun e-Dompet Touch ‘n Go Anda dan/atau mana-mana kaedah pembayaran lain yang Anda benarkan untuk penggunaan Tag RFID TNG tidak mempunyai baki yang mencukupi, amaun tersebut akan disifatkan sebagai amaun yang kena dibayar dan terhutang kepada Kami (“**Amaun Kena Dibayar**”), dan Kami mempunyai hak untuk mengambil tindakan selanjutnya terhadap Anda, termasuk tindakan undang-undang, untuk mendapat balik Amaun Kena Dibayar.

10. KAEDAH MEMBUAT ADUAN DAN BENTUK KOMUNIKASI

10.1. TNGSB akan mengumumkan kepada orang awam apa-apa maklumat kemas kini mengenai produk, perkhidmatan dan operasinya dengan cara yang konsisten, bila-bila dikehendaki, untuk mewujudkan kesedaran kepada Anda.

10.2. Semua notis, permintaan dan/atau komunikasi lain daripada Anda kepada TNGSB boleh disampaikan kepada yang berikut:

a) surat biasa;
b) khidmat pesanan ringkas (SMS)/mel elektronik;
c) paparan notis di semua Pusat Perkhidmatan & Jualan dan/atau Kaunter Khidmat Pelanggan TNGSB;
d) diterbitkan pada Laman Web dan saluran media sosial rasmi TNGSB (termasuk tetapi tidak terhad kepada Facebook, Instagram, LinkedIn dan Twitter); dan/atau
e) diterbitkan pada surat khabar harian kebangsaan dalam bahasa-bahasa utama, diedarkan secara am di seluruh Malaysia.

10.3. Anda juga boleh mengunjungi mana-mana Pusat Perkhidmatan & Jualan dan Kaunter Khidmat Pelanggan TNGSB di:

Alamat	Waktu Operasi
Pusat Perkhidmatan & Jualan Bangsar South Tingkat Bawah Menara 6, Avenue 5, Bangsar South No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur	Isnin – Jumaat: 9:00 pagi hingga 5:00 petang Tutup pada Hujung Minggu & Hari Kelepasan Am
Pusat Perkhidmatan & Jualan NU Sentral Lot L2.07, Aras 2 Pusat Beli-Belah NU Sentral No. 201, Jalan Tun Sambanthan 50470 Kuala Lumpur	Isnin – Ahad (Termasuk Hari Kelepasan Am) 10.00 pagi hingga 10.00 malam

10.4. Ketepatan dan kesempurnaan Data Peribadi Anda bergantung pada maklumat yang telah Anda berikan. TNGSB akan menganggap bahawa maklumat yang telah Anda berikan adalah tepat, kemas kini dan lengkap melainkan jika Anda memaklumkan sebaliknya. Anda boleh mengemaskinikan Data Peribadi Anda melalui mana-mana saluran di atas atau pada Portal RFID TNGSB.

10.5. Jika aduan atau hal Anda tidak diberi perhatian oleh TNGSB, Anda boleh memajukan aduan atau pertanyaan Anda kepada badan-badan berikut. Anda boleh mendapati maklumat perhubungan badan-badan tersebut pada pautan laman web berikut:

Bank Negara Malaysia
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Laman Web: https://www.bnm.gov.my/

Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)
Borang Aduan boleh didapati pada pautan https://telelink.bnm.gov.my/

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)
(Dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)

Laman Web: https://www.ofs.org.my/en/
https://telelink.bnm.gov.my/mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my

11. TANGGUNG RUGI DAN HAD LIABILITI

11.1. Tanggung Rugi

a) Anda bersetuju untuk menanggung rugi TNGSB terhadap semua dakwaan, liabiliti, kerugian, ganti rugi, prosiding, tuntutan, kos dan perbelanjaan (termasuk yuran guaman) yang mungkin diakibatkan, atau yang mungkin dialami oleh TNGSB, berkaitan dengan atau yang timbul daripada pemberian atau penggunaan Tag RFID TNG dan/atau Perkhidmatan RFID kepada atau oleh Anda yang disebabkan oleh (i) perbuatan, peninggalan, kelakuan, kesalahan, kecuaian atau penipuan Anda sendiri; (ii) kemungkiran atau ketakpatuhan oleh Anda berkenaan dengan Terma dan Syarat ini termasuk pindaan, tambahan atau pemotongannya kemudian, jika berkenaan, atau mana-mana dasar dan garis panduan lain yang dikeluarkan oleh TNGSB, termasuk tetapi tidak terhad kepada garis panduan bagi Pemasangan Kendiri Tag RFID TNG Anda; atau (iii) pelanggaran oleh Anda berkenaan dengan mana-mana undang-undang yang terpakai. Tanggung rugi ini hendaklah terus wujud tanpa mengira penggantungan, pembatasan penggunaan atau penamatan Tag RFID TNG atau Perkhidmatan RFID.

11.2. Pengecualian Liabiliti

a) TNGSB, pegawai, pekerja dan/atau ejennya tidak bertanggungjawab kepada Anda atau mana-mana pihak ketiga yang Anda benarkan atau yang menuntut melalui Anda, terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi, sama ada langsung tidak langsung, khas atau turutan, yang dialami oleh Anda atau mana-mana orang yang Anda benarkan berkaitan dengan sebarang Tag RFID TNG, Perkhidmatan RFID dan/atau kaedah pembayaran yang dikaitkan dengan Tag RFID TNG Anda, walau macam mana pun disebabkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan atau pincang tugas Tag RFID TNG atau sistem pembayaran tol elektronik, akibat daripada tindakan keganasan sebenar atau percubaannya, tindakan sabotaj, kerebakan wabak, bencana alam atau mana-mana hal keadaan di luar kawalan TNGSB.

b) TNGSB, Pusat Pemasangan atau Rakan Peruncitnya tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tuntutan/kehilangan/kerosakan yang Anda tanggung/alami disebabkan oleh pemasangan Tag RFID TNG oleh Anda, TNGSB, Pusat Pemasangan dan/atau Rakan Peruncitnya, walau macam mana pun sifat dan jenisnya dan dengan apa cara sekalipun yang diakibatkan atau timbul, meskipun tuntutan/kehilangan/kerosakan tersebut disebabkan oleh perbuatan/peninggalan/kecuaian TNGSB, Pusat Pemasangan dan/atau Rakannya. Anda seterusnya bersetuju bahawa pemasangan Tag RFID oleh TNGSB, Pusat Pemasangan dan/atau Rakan Peruncitnya untuk Anda adalah dibuat atas risiko Anda sendiri, dan Anda dengan ini melepaskan TNGSB, Pusat Pemasangan dan/atau Rakan Peruncitnya daripada sebarang tuntutan/kehilangan/kerosakan yang Anda tanggung/alami berkenaan dengan perkara tersebut.

c) Walau apa pun perkara di atas, sekiranya TNGSB bertanggungjawab terhadap Anda atau mana-mana pihak ketiga yang Anda benarkan atau yang menuntut melalui Anda atas apa jua alasan sekalipun, liabiliti TNGSB hendaklah dihadkan sehingga RM500.00 sahaja.

11.3. Penipuan dan Luar Aturan

a) Jika apa-apa penipuan atau luar aturan dikesan daripada penggunaan Tag RFID TNG Anda dan/atau kaedah pembayaran yang dikaitkan dengan Tag RFID TNG Anda, TNGSB mempunyai hak untuk menggantung atau menamatkan Tag RFID TNG Anda, dan TNGSB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau memikul tanggungjawab berhubung dengan sebarang tuntutan yang dibuat oleh Anda atau mana-mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan perkara tersebut.

b) TNGSB mempunyai hak, mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa menanggung sebarang bentuk dan jenis liabiliti sekalipun pada pihak TNGSB, pegawai, pekerja dan/atau ejennya,

untuk mentaksahkan dan/atau menamatkan Tag RFID TNG atau untuk menggantung dan/atau membatasi penggunaan Tag RFID TNG atau Perkhidmatan RFID pada bila-bila masa saja, sekiranya terdapat apa-apa transaksi tipuan yang disyaki atau penggunaan Tag RFID TNG atau Perkhidmatan RFID tanpa kebenaran telah dilaporkan. TNGSB tidak berkewajipan untuk memberikan alasannya bagi menggunakan budi bicaranya untuk mentaksahkan, menamatkan, menggantung atau membatasi penggunaan Tag RFID TNG atau Perkhidmatan RFID.

12. Data Peribadi

12.1 Anda menyedari sepenuhnya Data Peribadi yang dikumpulkan oleh TNGSB daripada Anda, dan Anda dengan ini memberikan persetujuan Anda kepada TNGSB untuk Data Peribadi Anda digunakan, diproses, disimpan dan/atau dizahirkan mengikut Notis Privasi TNGSB, yang boleh diakses pada Laman Web TNGSB pada pautan TNG_Privacy-Notice_Revised_Nov-2021.pdf (touchngo.com.my), yang mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sila baca Notis Privasi TNGSB dengan teliti kerana ia mengawal pengumpulan dan penggunaan Data Peribadi Anda oleh Kami.

12.2 Ketepatan dan kesempurnaan Data Peribadi Anda dalam rekod Kami bergantung pada maklumat yang Anda berikan. TNGSB akan menganggap bahawa maklumat yang telah Anda berikan adalah tepat, kemas kini dan lengkap melainkan jika Anda memaklumkan sebaliknya.

12.3 Jika Anda ingin memilih untuk tidak menerima mesej pemasaran, Anda boleh berbuat demikian melalui Portal RFID TNG pada pautan https://rfid.touchngo.com.my/edit-profile dan mengikut arahan yang dinyatakan dalamnya. Jika Anda tidak memilih untuk tidak menerima mesej pemasaran, Anda akan disifatkan sebagai bersetuju untuk menerima mesej tersebut.

12.4 Anda mengakui bahawa pengambilan gambar dan perfileman mungkin berlaku di acara atau premis TNGSB. TNGSB mempunyai hak untuk menggunakan imej dan video yang dirakamkan di acara tersebut atau premis Kami dengan gambar foto dan video Anda bagi tujuan promosi dan pemasaran oleh TNGSB pada saluran media sosial, laman web TNGSB dan bahan cetak, tanpa memperoleh apa-apa persetujuan selanjutnya daripada Anda. Jika Anda tidak ingin gambar foto dan/atau video Anda diambil di acara atau premis TNGSB, sila beritahu Kami semasa acara itu atau di premis Kami, dan Kami akan menggunakan usaha yang munasabah untuk mematuhi permintaan Anda.

13. PELBAGAI

13.1. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaya.

13.2. Jika mana-mana peruntukan yang terkandung di sini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, kesahan dan kebolehan penguatkuasaan peruntukan selebihnya tidak boleh dijejaskan atau dikurangkan dengan apa jua cara, dan peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut hendaklah disifatkan sebagai dipotong.

13.3. Jika Anda berumur di bawah 18 tahun atau di bawah umur dewasa menurut undang-undang yang terpakai, Anda mesti memperoleh persetujuan daripada ibu/bapa atau penjaga sah Anda untuk mendaftar bagi dan menggunakan Tag RFID TNG atau Perkhidmatan RFID. Jika Anda tidak mempunyai persetujuan daripada ibu/bapa atau penjaga sah Anda, Anda mesti berhenti menggunakan Tag RFID TNG dan/atau Perkhidmatan RFID. Dengan meneruskan penggunaan Tag RFID TNG dan/atau Perkhidmatan RFID, Anda memberikan representasi nyata bahawa Anda telah memperoleh persetujuan ibu/bapa atau penjaga sah Anda untuk menggunakan Tag RFID TNG dan/atau Perkhidmatan RFID.

13.4. Jika Anda merupakan ibu/bapa atau penjaga sah orang belum dewasa yang menggunakan Tag RFID TNG dan/atau Perkhidmatan RFID, Anda adalah tertakluk pada Terma dan Syarat RFID ini, dan akan bertanggungjawab terhadap tindakan anak Anda dan/atau sebarang caj yang berkaitan dengan penggunaan Tag RFID TNG dan/atau Perkhidmatan RFID oleh orang belum dewasa itu.

13.5. Terma dan Syarat ini juga tersedia dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau kesamaran antara terma-terma versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia berkenaan Terma dan Syarat, versi yang telah Anda baca, fahami dan setujui hendaklah mengatasi versi yang lain.

Dikemaskinikan pada 30 Jun 2023